

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NASIONAL

Kertas Putih pertingkatkan reformasi kesihatan

Strategi dapat tingkatkan promosi kesihatan, pencegahan penyakit

Oleh Aizat Sharif
bhnews@bh.com.my


Kangar: Kertas Putih Kesihatan yang diluluskan Parlimen pada 15 Jun lalu, mampu melonjakkan reformasi kesihatan negara ini dalam mempertingkatkan promosi kesihatan dan pencegahan penyakit.

Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa, berkata ia merangkumi penambahbaikan sistemik dan struktural bagi mengorientasikan semula ekosistem kesihatan supaya promosi kesihatan dan pencegahan penyakit dapat diintegrasikan.

"Antara strategi utama dalam Kertas Putih ini adalah memperkukuhkan fungsi kesihatan awam, menambah baik kerjasama dan penyelarasan inter sektor untuk kesihatan.

"Ia juga memberi insentif kepada amalan dan tingkah laku prokesihatan," katanya berucap menghadiri Karnival Kesihatan Sihat Milik Semua peringkat Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Perlis sempena sambutan Ulang Tahun Keputeraan Ke-80 Tuanku Raja Perlis di Pusat Transformasi Bandar (UTC) di sini, semalam.

Dr Zaliha turut mengumumkan 2023 adalah tahun bermulanya Fasa Kedua Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) selepas Fasa



Dr Zaliha mengiringi Lailatul Shahreen Akashah melawat Kampung Seberang Ramai, Kuala Perlis pada Karnival Kesihatan Sihat Milik Semua di Kangar, semalam.

Pertama yang berlangsung dari 2020 hingga tahun lalu.

Perkemas hala tuju

"AMNS memfokuskan kepada perancangan, libat urus dengan rakan strategik, pembentukan pelan strategik dan penyediaan kertas dasar berkaitan.

"Fasa kedua ini diperkemas dengan beberapa hala tuju dan inisiatif yang merangkumi dasar dan implikasi kewangan untuk jangka panjang.

"Ini bagi mencapai matlamat menjadikan rakyat sejahtera melalui pumbudayaan hidup sihat dan kelestarian persekitaran

yang menyokong hidup sihat.

"Selain penganjuran karnival kesihatan seperti hari ini, Kementerian Kesihatan (KKM) sentiasa berusaha mencari idea dan pendekatan baharu bagi membantu rakyat mencapai dan mengekalkan tahap kesihatan yang sihat menerusi mesej promosi dan pendidikan kesihatan.

"Pelbagai kempen dilaksanakan bawah Teras 1 ANMS iaitu 'Memantapkan Promosi Pumbudayaan Hidup Sihat' menggunakan pelbagai pendekatan dan kaedah media seperti media sosial, media konvensional, media cetak dan digital," katanya.

Beliau mengambil contoh Perlis dilihat aktif menggunakan Facebook sebagai wahana menyampaikan mesej kesihatan buat rakyat negeri ini.

Terdahulu, Dr Zaliha mengiringi Pemangku Raja Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail dan Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Lailatul Shahreen Akashah Khalil merasmikan karnival berkenaan.

Turut hadir Menteri Besar, Mohd Shukri Ramli; Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan; Exco Kesihatan Perlis, Megat Hashirat Hassan dan Pengarah Kesihatan Perlis, Dr Ismuni Bohari.

Negara sedia beralih ke fasa endemik COVID-19

Kuala Lumpur: Negara sudah bersedia beralih ke fasa endemik COVID-19 berikutan jumlah kes bagi Kategori 3 dan 4 semakin berkurangan ketika ini.

Pakar Perubatan Kesihatan Awam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Dr Sharifa Ezat Wan Puteh, berkata ketika ini kebanyakan kes dalam Kategori 1 dan 2 dengan gejala ringan dan kuarantin di rumah.

"Jumlah kes bagi kategori 3 dan 4 iaitu yang mempunyai gejala teruk sehingga perlu mendapatkan alat bantuan pernafasan tidak banyak seperti sebelum ini.

"Bagi saya, keadaan kes masih terkawal dan tidak membimbangkan seperti sebelum ini, maka negara memang sudah bersedia beralih ke fasa endemik," katanya semalam.

Kelmarin, Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa, dilapor berkata, keputusan sama ada negara beralih ke fasa endemik COVID-19 akan diputuskan selepas dibentangkan pada mesyuarat Jemaah Menteri minggu depan.

Jika mendapat kelulusan, beliau akan mengumumkan keputusan terbabit termasuk berkaitan prosedur operasi standard (SOP) baharu.

Mengenai sama ada negara memerlukan SOP baharu, Sharifa Ezat berkata, ia bergantung kepada KKM sama ada melihat terdapat keperluan atau tidak.

Apa yang lebih penting, jelasnya, ialah memastikan rakyat mendapatkan suntikan vaksin COVID-19 yang lengkap.

"Jika tidak sihat dan mempunyai simptom teruk seperti batuk dan selesema teruk, sakit dada atau sesak nafas perlu segera mendapatkan rawatan.

"Kesedaran awal untuk mendapatkan rawatan amat penting supaya penularan wabak ini dapat terus terkawal," katanya.

Beliau mengakui simptom ringan seperti batuk dan selesema biasa sukar dikesan sama ada COVID-19 atau influenza.

Sehingga 17 Jun lalu, jumlah kes mingguan COVID-19 di negara ini yang direkodkan adalah 400 kes penularan tempatan.

Perkembangan itu menjadikan sehingga kini jumlah penularan COVID-19 di negara ini mencecah 5,073,136 kes sejak ia dikesan di negara ini.

Secara keseluruhannya, negara masih mempunyai 17,756 kes aktif dengan 97 peratus bersamaan 17,756 kes dalam kuarantin wajib di rumah.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 12
RUANGAN : LOKAL

'DOKTOR' RM100K!

Oleh Mohd Jamilul
Anbia Md Denin
anbia@hmetro.com.my

*Lelaki tawar perkhidmatan sebagai doktor
gigi tanpa tauliah kena dakwa*

Kuala Lumpur

Seorang lelaki yang menawarkan perkhidmatan sebagai doktor gigi tanpa tauliah dijatuhi hukuman denda RM100,000 atau 12 bulan penjara, kelmarin.

Tertuduh, Lee Mun Kheng, 37, dijatuhi hukuman itu oleh hakim Norin Zainol Abidin selepas pendakwaan dilakukan di Mahkamah Sesyen 12, di sini.

Pendakwaan dilakukan pegawai pendakwa Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) Dr Faryna Md Yakub.

Berdasarkan fakta kes, sepasukan pegawai perigian penguatkuasa dan pegawai Cawangan kawalan Amalan Perubatan Swasta, Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya dibantu polis menyerbu sebuah premis di Medan Connaught, Cheras, di sini, pada 2 Jun lalu.

Ketika serbuan, tertuduh sedang menjalankan rawatan perigian ke atas seorang pelanggan.

Dalam kes berkaitan awal Jun lalu, seorang wanita yang mengaku sebagai pemilik premis sama gagal menunjukkan dokumen bagi mengesahkan premis itu adalah sebuah klinik perigian swasta berdaftar dengan KKM.

Pengegedahan menemui pelbagai peralatan dan bahan perigian di bilik rawatan dan kaunter di premis itu.

Susulan itu tertuduh didakwa mengikut Seksyen 4 (1) Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 (Akta 586) dan boleh dihukum mengikut Seksyen 5(1) Akta yang sama.



LEE didakwa di Mahkamah Sesyen 12, Kuala Lumpur.

Hakim Norin Zainol Abidin menjatuhkan hukuman itu selepas tertuduh, Lee Mun Mun, 34, didapati bersalah menyediakan sebuah klinik perigian swasta tanpa berdaftar dengan Kementerian Kesihatan Malaysia.

Susulan itu dia turut dijatuhi hukuman denda RM100,000 atau penja-

ra 12 bulan jika gagal membayar denda.

Bagaimanapun tertuduh membayar denda yang dikenakan. Terdahulu dalam kes berasingan pada 23 Mei lalu, seorang wanita warga asing dijatuhi hukuman denda

RM50,000 oleh Mahkamah Sesyen Johor Bahru selepas di-

dapati bersalah menawarkan amalan perigian oleh orang yang tidak berdaftar dengan Majlis Perigian Malaysia.

Tertuduh, Norsyakilla Abdullah, 29, dijatuhi hukuman berkenaan oleh hakim, Datuk Che Wan Zaidi Che Wan Ibrahim selepas dia didapati bersalah mengikut Seksyen 62(1) Akta Perigian 2018 kerana menjalankan amalan perigian tanpa berdaftar.

**Tertuduh
membayar denda
yang dikenakan**

AKHBAR : NEW SUNDAY TIMES

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : NATION /NEWS

